

PERKONGSIAN idea dan ilmu baru daripada mereka yang lebih berpengalaman boleh membantu pencipta muda memperkukuhkan pengetahuan sekali gus menghasilkan lagi inovasi lebih kompetitif



Status profesor bukan ukuran

Perlu optimis idea dan hasil pencipta muda tak kurang hebatnya

FOKUS

Oleh Ruhaiza Rusmin
ruhaizarusmin@mediaprima.com.my

Mencipta kreativiti bukan mudah, apatah lagi jika ia dihasilkan mahasiswa muda yang cetek pengetahuan dalam aspek penyelidikan.

Meskipun hasil diketengahkan itu inovasi baru, masih belum mampu memancing perhatian ramai pihak untuk mempercayai kemampuan mereka.

Apatah lagi dengan usia masih setahun jagung, selain tiadanya pangkat akademik, hasil pencipta muda ini seolah-olah tidak bernilai.

Penolakan serta diskriminasi ini boleh merencatkan idea dan semangat mereka sekali gus menggugat impian negara melahirkan pencipta muda berkali-

pada masa depan.

Justeru di manakah nilai mereka andai kata terus diragui kemampuannya? Dan, benarkah ciptaan yang dihasilkan itu tidak mempunyai nilai komersial atau hanya syok sendiri.

Pensyarah Kanan Fakulti Sains dan Teknologi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Khairi Abdul Rahim berkata, sikap prejudis serta kurang percaya terhadap kemampuan pencipta muda perlu diubah segera.

Beliau berkata, meskipun hanya bertaraf pencipta muda, tidak bermakna rekaan itu tidak mempunyai nilai.

"Untuk menjadi pencipta inovasi tidak memerlukan kriteria khusus, ini soal kreativiti yang sangat subjektif.

"Yang penting kemahuan untuk mencipta. Pangkat profesor atau doktor soal kedua," katanya.

Biar pun keyakinan masyarakat lebih tinggi kepada mereka yang memiliki kelulusan beraja, beliau optimis

hasil pencipta muda tidak kurang hebatnya.

"Biar pun kelayakan dan pengalaman sentiasa diambil kira, tidak bermakna mereka yang tidak mempunyai kriteria itu tidak berkemampuan.

"Beri peluang kepada mereka dan usah berat sebelah," katanya.


Malah, stigma tidak benar yang dilemparkan dianggap berbahaya kerana boleh membunuh keinginan pencipta muda secara senyap dan perlahan.

"Mereka terdiri daripada mahasiswa yang mempunyai banyak komitmen. Justeru, kesanggupan menyetepikan waktu untuk berkongsi idea wajar dihargai.

"Amat malang jika ada pihak kurang menghargai kesungguhan ditunjukkan golongan ini, malah tidak mahu mengiktiraf," katanya.

Pencipta muda meskipun sering dipersoalkan kemampuan mereka, akunya masih mampu memberikan hasil ciptaan memberangsangkan.

Menurutnya, biarpun



KEJAYAAN mahasiswa mesti melebihi piawai dan tidak boleh hanya tertumpu pada sekeping ijazah semata-mata.



KREATIVITI dan inovasi pencipta muda perlu disuburkan bagi melahirkan masyarakat berdaya saing pada masa depan.



PENDEDAHAN awal yang diberikan pasti mengembangkan lagi peranan inovasi penciptaan dalam jangka panjang.



tanpa penyelidikan saintifik, rekaan itu masih boleh dibangunkan dalam jangka panjang.

"Inovasi, penciptaan dan penghasilan produk baru sentiasa berlaku dan sering berubah dengan cepat.

"Ciptaan itu juga tidak selamanya berada pada tahap sama. Penambahbaikan dan kenaikan taraf melalui ujian serta penyelidikan diadakan daripada semasa ke semasa.

"Jangan prejudis de-

ngan kemampuan pencipta muda," katanya menambah penyelidikan berterusan penting bagi menghasilkan kualiti bermanfaat kepada sejagat.

"Biarpun mereka masih belum mempunyai kelayakan kukuh, kita tidak boleh memperkecilkan mereka.

"Dari segi penyelidikan saintifik mungkin mereka tiada kelebihan itu, tapi inovasi mereka perlu dihargai.

"Untuk membudayakan inovasi dan penjaan idea terutama di kalangan generasi muda, penting ada keberanian untuk mencuba," katanya.

Beliau tidak menafikan permintaan hari ini lebih menjurus kepada pengkomersialan, namun penerangan perlu diberikan bagi memupuk pemahaman mengenai budaya inovasi.

"Keuntungan dalam penghasilan ciptaan baru adalah matlamat utama pelabur, justeru tidak hairan jika tumpuan lebih besar diberikan kepada pencipta berpengalaman.

"Bagaimanapun tanpa yang baru, tiada yang lama. Sekiranya ada sokongan padu, tidak mustahil mereka boleh pergi lebih jauh," katanya.

Budaya inovasi di kalangan generasi muda perlu wajar disuburkan berterusan, apatah lagi pelbagai pilihan sudah tersedia.

"Dulu, budaya inovasi sangat asing kerana fokus mahasiswa hanya pada bidang pekerjaan berteraskan pencapaian akademik.

"Hari ini, budaya inovasi adalah ledakan baru kepada dunia pendidikan tinggi. Ia bukan lagi hak eksklusif golongan tertentu.

"Inovasi bukan saja boleh menghasilkan nilai tambah dalam resume, malah pengiktirafan kepada mahasiswa," katanya.